Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 12, e002616
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2616

RESEARCH ARTICLE

Penilaian Pengukuran Kemiskinan dari Perspektif Multidimensi: Kajian Kes Pelajar B40 di Universiti Sains Malaysia

(Evaluation of Multidimensional Poverty Measurement Perspective: A Case Study on B40 Students, Universiti Sains Malaysia)

Parthiban S. Gopal[1*], Nor Malina Malek[2], Muhd Al Naufal Abdul Rahman[3]

[1]Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: parthi@usm.my
[2]Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: malina@usm.my
[3]Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: 95naufal@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Parthiban S. Gopal
(parthi@usm.my)

KATA KUNCI:
Indeks kemiskinan multidimensi
Pelajar B40 Universiti Sains Malaysia
Pengukuran kemiskinan multidimensi
Unidimensi

KEYWORDS:
Multidimensional poverty index
USM B40 students
Multidimensional poverty measurement
Unidimensional poverty

CITATION:
Parthiban S. Gopal, Nor Malina Malek, & Muhd Al Naufal Abdul Rahman. (2023). Penilaian Terhadap Pengukuran Kemiskinan dari Perspektif Multidimensi: Kajian Kes Terhadap Pelajar B40 di Universiti Sains Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(12), e002616. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2616

ABSTRAK

Kemiskinan merupakan isu subjektif serta berunsur pelbagai dimensi, lantas perlu didefinisikan dan diukur secara multidimensi dengan mengambil kira pelbagai faktor selain daripada pendapatan. Oleh itu, dapatan kajian ini memaparkan Indeks Kemiskinan Multidimensi 25 pelajar B40 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada tahun 2021 bagi mengenal pasti kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (bilangan pelajar yang mengalami keterisihan dalam pelbagai aspek kehidupan) dan intensiti kemiskinan (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa) dibandingkan dengan kaedah pengukuran konvensional yang berdasarkan pendekatan pendapatan-unidimensi semata-mata. Objektif kajian ini memfokuskan pentafsiran dan pengukuran kemiskinan yang berpaksi kepada perspektif multidimensi terhadap pelajar B40 tersebut. Natijahnya, kajian ini menegaskan kemiskinan ditafsir serta diukur daripada perspektif multidimensi supaya dapat dikenal pasti program pembasmian kemiskinan holistik. Metodologi kajian ialah kaedah kuantitatif berdasarkan model Indeks Kemiskinan Multidimensi terhadap 25 pelajar B40 melalui data kajian rintis-berempirikal. Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian awal berskala kecilan bagi mengenal pasti kelemahan atau kelebihan model pengukuran sebelum kajian sebenar yang dibuat secara sekala besar.

ABSTRACT

Poverty is a subjective and multidimensional issue, so it needs to be defined and measured multidimensionally by considering various factors other than income. Therefore, the findings of this study display the Multidimensional Poverty Index of the 25 B40 students of Universiti Sains

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia, Penang in 2021 to identify both the incidence of multi-dimensional deprivation (the number of B40 students who experience deprivation in various aspects of life) and the intensity of poverty (how much deprivation is experienced on average at a certain time) compared to unidimensional-income approach. The objective of this study focuses on the conceptualization and measurement of poverty based on a multidimensional perspective on the B40 students. Hence, this study conceptualizes and measures poverty from a multidimensional perspective so that a holistic poverty eradication program is identified. The research methodology is a quantitative method based on the Multidimensional Poverty Index model on 25 B40 students through an empirical-pilot study data. In conclusion, this study is a small-scale preliminary study to identify the weaknesses or advantages of measurement model before the actual study is made on a large scale.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menggunakan metodologi pengukuran baharu berdasarkan Indeks Kemiskinan Multidimensi(IKM) sebagai penambahbaikan terhadap metodologi konvensional yang hanya terbatas kepada pendapatan semata-mata.

1. Pengenalan

Konsep kemiskinan merupakan konsep yang kerap dibincangkan oleh pakar ekonomi kerana isunya terlalu luas dan subjektif. Pelbagai faktor telah menyumbang kepada kemiskinan seperti politik, ekonomi, sosial dan budaya. Secara tradisinya, kemiskinan ditafsirkan berdasarkan pendekatan unidimensi dengan hanya melihat faktor pendapatan sahaja. Walau bagaimanapun, pentafsiran kemiskinan berdasarkan faktor pendapatan tidak begitu komprehensif kerana ia tidak menggambarkan keadaan kemiskinan secara menyeluruh dan tidak berkesan untuk mengenal pasti penyebab kemiskinan selain daripada pendapatan (The World Bank Group, 2022; Parthiban, 2013). Malah pendekatan pengukuran kemiskinan unidimensi juga gagal dalam mengenal pasti norma hidup sebenar orang miskin serta intensiti ketersisihan (*deprivation*) yang mereka hadapi (Moonansingh et al., 2019). Sehubungan dengan itu, menurut UNESCO (2016), kemiskinan seharusnya perlu ditafsirkan dan diukur berdasarkan perspektif multidimensi supaya dapat mendalami realiti kemiskinan yang dihadapi oleh individu atau isi rumah daripada pelbagai dimensi dan indikator seperti kesihatan, pendidikan dan taraf hidup.

Penerangan awal dalam kajian ini menekankan perbezaan tafsiran kemiskinan unidimensi dan multidimensi. Malah tafsiran kemiskinan multidimensi akan diteroka dengan lebih lanjut dan diikuti oleh analisis kaedah pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) berdasarkan data kajian rintis.

Tafsiran kemiskinan berasaskan pendekatan pendapatan telah wujud sejak abad ke 1800-an lagi. Kajian awal dimulakan oleh Rowntree di York, England pada tahun 1899. Menurut Rowntree (1901) kemiskinan ialah sebagai ketidaktentuan dari segi pendapatan isi rumah untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Kekurangan dalam sumber keperluan dalam kalangan orang miskin menyebabkan mereka tidak berupaya untuk melibatkan diri dengan aktiviti harian seperti pendidikan, pekerjaan dan sebagainya (Townsend,1979).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pendekatan dalam mengukur kemiskinan berdasarkan unidimensi-ekonomi telah lama digunakan di Malaysia sejak pasca merdeka lagi. Tafsiran serta pengukuran kemiskinan melalui perspektif unidimensi-ekonomi mempunyai tiga konsep yang umum iaitu kemiskinan mutlak, kemiskinan relatif dan Pekali Gini. Pengukuran kemiskinan mutlak bermaksud situasi di mana individu yang miskin tidak berkemampuan untuk menyediakan keperluan asas secukupnya untuk hidup secara selesa. Kemiskinan mutlak mempunyai kaitan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan di bawah PGK dikategorikan sebagai miskin mutlak. Malaysia telah menggunakan PGK sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan pada tahun 1970 dengan meletakkan keutamaan dalam pembasmian kemiskinan. Terdapat dua komponen dalam PGK Malaysia iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Maklumat bagi nilai PGK makanan dikutip melalui keperluan kalori isi rumah yang ditentukan manakala bagi nilai PGK bukan makanan pula berdasarkan kepada bentuk perbelanjaan isi rumah dan keperluan asas isi rumah yang dikutip melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah (*Household Survey Expenditure*). Terdapat dua kategori miskin PGK iaitu miskin mutlak dan miskin tegar. Miskin mutlak bermaksud sekiranya seluruh pendapatan isi rumah berada di bawah paras nilai PGK, RM2208 manakala isi rumah yang berada di bawah paras nilai PGK makanan, RM1169 dikategorikan sebagai miskin tegar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Manakala kemiskinan relatif pula bermaksud individu digelar miskin relatif jika pendapatannya kurang daripada 50 peratus pendapatan penengah/median isi rumah yang kini adalah RM2,940 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Sehubungan dengan itu, kemiskinan relatif juga ditafsirkan mengukur berasaskan pendapatan seorang individu dengan individu yang lain walaupun melepasi PGK . Seseorang itu mungkin tidak berada dalam kategori kemiskinan mutlak tetapi beliau miskin jika dibandingkan dengan anggota masyarakat yang lain yang berpendapatan lebih tinggi daripadanya. Keadaan ini akan berubah mengikut pertumbuhan ekonomi. Manakala, Pekali Gini merupakan pemusatan pendapatan berdasarkan keluk Lorenz berfungsi mengukur kesaksamaan dalam agihan pendapatan. Nilai Pekali Gini berada antara 0 dan 1, di mana 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama.

Di Malaysia, antara kajian awal yang dilakukan oleh sarjana tempatan seperti Profesor Diraja Ungku Aziz telah pun menggunakan indeks sarong untuk dijadikan petunjuk dalam mengukur kadar kemiskinan terhadap orang Melayu pada tahun 1950-an dan 60-an (Johan, 2020). Indeks sarong ini merujuk kepada kemampuan seseorang yang miskin untuk memiliki sarong di kawasan luar bandar Malaysia di mana majoriti bangsa Melayu ketika itu tinggal, seperti di Kelantan dan Terengganu. Indeks sarong dikira dengan membahagikan jumlah isi rumah yang memiliki sarong dan jumlah isi rumah yang berumur lebih dari satu tahun (Rajah et al., 2015). Kajian beliau terhadap kemiskinan menggunakan indeks sarong adalah sumbangan beliau dalam membentuk kriteria ukuran kemiskinan (Othman & Hamidi, 2019). Walau bagaimanapun penggunaan indeks sarong didapati tidak praktikal dan akhirnya tidak lagi digunakan dalam mengukur kemiskinan (Mohamed et al., 2011).

Kesan dari pelaksanaan DEB menyebabkan angka golongan miskin telah menurun di Malaysia dengan peratus golongan miskin pada tahun 1970 adalah sebanyak 49.3% kepada 0.4% pada tahun 2016 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 (Ministry of Economy (2018). Walaupun penurunan kadar kemiskinan mutlak seperti yang dipaparkan di Rajah 1 sangat memberangsangkan namun kadar kemiskinan Malaysia tersebut dikritik oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Philip Alston

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerana kadar kemiskinan sebanyak 0.4 peratus pada tahun 2019 adalah terlalu kecil dan tidak menunjukkan realiti kemiskinan yang berlaku di Malaysia (Zanariah, 2019). Hal ini menyebabkan kerajaan Malaysia telah menetapkan balik kadar pengukuran PGK sebanyak RM2208 melalui metodologi PGK 2019 seperti diumumkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) pada 10 Julai 2020 bagi memastikan ia mengikut arus semasa seperti inflasi dan kenaikan kos sara hidup (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020).

Rajah 1: Insiden Kemiskinan Mutlak Malaysia



Sumber: Ministry of Economy (2018)

Namun demikian, Philip Alston berkata kadar kemiskinan mutlak 5.6 peratus berdasarkan garis kemiskinan yang dikemas kini masih terlalu rendah dan berharap PGK akan terus disemak dan ditingkatkan dari semasa ke semasa (Malaysia Kini, 2020). Dalam nada yang sama, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed juga menyatakan PGK yang dipinda juga perlu disemak semula untuk masa hadapan akibat penularan pandemik Covid-19 yang kini telah memberi impak besar kepada pendapatan isi rumah dan menyebabkan kadar kemiskinan meningkat kepada 8.4 peratus pada tahun 2020 (Hazwan Faisal, 2021). Rajah 2 menggambarkan pengukuran insiden kemiskinan berdasarkan metodologi PGK 2019 yang baharu. Oleh itu, berdasarkan PGK tahun 2016, insiden kemiskinan mengalami peningkatan sebanyak 7.6 peratus dan kemudiannya telah menurun kepada 5.6 peratus pada tahun 2019.

Rajah 2: Insiden Kemiskinan Mutlak Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Selain daripada kaedah pengukuran insiden kemiskinan berdasarkan miskin mutlak (seperti di Rajah 2), Pekali Gini merupakan indeks untuk mengukur ketidaksamaan dalam agihan pendapatan. Menurut Stiglitz (2016) ketidaksamaan dari segi pendapatan akan mewujudkan masalah kepada perkembangan ekonomi di mana ia akan melemahkan permintaan ataupun kuasa membeli oleh individu pendapatan rendah yang menggunakan seluruh pendapatan untuk memenuhi keperluan asas. Kadar Pekali Gini di Malaysia menunjukkan jurang pendapatan antara kaum telah meningkat dan melebar antara isi rumah. Hal ini boleh dilihat apabila kumpulan pendapatan T20 mengalami peningkatan dari segi pendapatan berbanding kumpulan pendapatan M40 dan B40 yang seterusnya menunjukkan agihan pendapatan adalah tidak saksama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Ketidaksamaan mempunyai pelbagai bentuk yang meliputi aspek ekonomi, sosial, budaya, dan politik (Stewart, 2010). Dalam hal ini, negara maju juga tidak terkecuali dari masalah ketidaksamaan dalam pendapatan. Sebaliknya, agihan pendapatan yang saksama akan mewujudkan masyarakat yang adil dan terhindar dari berlakunya sebarang masalah sosio-ekonomi tertentu. Kelemahan yang nyata dalam pengukuran Pekali Gini ialah ia juga merupakan salah satu pengukuran ekonomi-pendapatan semata-mata lantas tidak mampu untuk membezakan pelbagai jenis jurang lain yang wujud kerana hanya mengukur faktor agihan pendapatan sahaja. Begitu juga pengukuran kemiskinan relatif yang digambarkan sebagai "kekurangan relatif" kerana individu yang berada di bawah kategori ini tidak hidup dalam kemiskinan menyeluruh. Namun demikian, ia hanya berpaksikan faktor pendapatan sahaja.

Justeru, daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa pengukuran kemiskinan unidimensi dapat menggambarkan kadar kemiskinan dengan jelas namun ianya terlalu simplistik, tidak menyeluruh, dan tidak mengenalpasti kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan) dan intensiti kemiskinan (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa). Tafsiran kemiskinan berasaskan pendekatan pendapatan mempunyai limitasi, kerana kemiskinan adalah isu yang subjektif dan memerlukan tafsiran yang betul supaya usaha dalam membasmi kemiskinan dapat dijalankan dengan efektif. Pengukuran kemiskinan unidimensi iaitu kaedah mensasarkan (*targeting*) yang berdasarkan pendapatan akan memberi kesan kepada bantuan kemiskinan kerana bantuan yang diberikan juga adalah berdasarkan pendapatan (Parthiban, 2018). Selain itu jika PGK ditetapkan pada satu ukuran kadar pendapatan yang sangat rendah terutamanya di kawasan bandar, maka hal ini akan mewujudkan pengukuran kemiskinan yang kurang tepat. Seperti yang umum sedia maklum bahawa pendapatan golongan miskin bandar adalah berbeza dengan pendapatan golongan miskin di luar bandar. Disamping itu. garisan kemiskinan juga boleh dimanipulasi untuk kepentingan pihak tertentu seperti meletakkan garisan kemiskinan yang sangat rendah menyebabkan golongan miskin yang sepatutnya dikenalpasti sebagai golongan yang tersisih tidak layak untuk menerima bantuan (Satterthwaite, 2004). Oleh yang demikian, PGK perlu ditetapkan seiring dengan kadar inflasi agar sesuai dengan kadar pendapatan masyarakat. Menurut Muhammad Yunus (2007) seseorang yang miskin secara dasarnya disebabkan pelbagai faktor multidimensi yang mempengaruhi kemiskinan tersebut. Oleh sebab itulah kemiskinan perlu dilihat berdasarkan definisi yang lebih menyeluruh agar ia lebih menggambarkan realiti kemiskinan di Malaysia. Sehubungan dengan itu. mengikut Berita Harian Online (2019) dan Rachel (2019), ukuran pendapatan sahaja tidak mencukupi dalam mengukur kadar kemiskinan. Beliau menegaskan perlu melihat kepada pelbagai faktor seperti akses kepada pendidikan,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

khidmat kesihatan, pekerjaan yang stabil, simpanan, keselamatan sosial dan faktor demografi yang menjadi dimensi penting untuk diambil kira.

1.1. Objektif Kajian

Objektif kajian ini memfokuskan pentafsiran dan kaedah pengukuran kemiskinan yang berpaksi kepada perspektif multidimensi terhadap pelajar B40 tersebut terhadap 25 pelajar B40 Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah dianalisis secara empirikal. Natijahnya, kajian ini menegaskan kemiskinan seharusnya ditafsir serta diukur daripada perspektif multidimensi supaya dapat dikenalpasti program pembasmian kemiskinan holistic secara lebih berkesan dibandingkian dengan pengukuran secara unidimensional (pendapatan) semata-mata.

2. Sorotan Karya

Walaupun pengukuran kemiskinan telah ditambah baik dengan melengkapkan dimensi yang sedia ada namun begitu Sen (1987) dan Alkire et al. (2015) berpendapat kebanyakan kajian empirikal kemiskinan masih menggunakan pengukuran kemiskinan unidimensi atau berteraskan kewangan. Menurut beliau, baik pentafsiran mahupun pengukuran kemiskinan unidimensi adalah sangat sempit (tidak komprehensif) dan boleh memberi permasalahan dalam memahami isu kemiskinan yang agak subjektif dan abstrak. Justeru, pendekatan pentafsiran dan pengukuran kemiskinan perlu dibuat secara berasingan iaitu miskin unidimensi dan miskin multidimensi (Fusco, 2003). Sehubungan dengan itu, Deepa et al. (1999) dalam bukunya '*Voices of the poor*', juga bersependapat bahawa konsep kemiskinan merupakan satu fenomena multidimensi. Hal ini kerana definisi kemiskinan berbeza mengikut jantina, umur, budaya dan aspek demografi yang lain. Menurut Sen (2000) lagi kemiskinan mempunyai pelbagai jenis ketersisihan yang perlu disesuaikan dalam kerangka yang menyeluruh ataupun bersandarkan perspektif yang multidimensi.

Nurul Izzah (2021) turut bersependapat dengan menyatakan pengukuran kemiskinan memerlukan sistem yang mampu mengukur keperitan hidup rakyat secara tepat, supaya dasar-dasar yang dihasilkan berdasarkan ukuran ini benar-benar dapat membantu mereka yang paling memerlukan dengan cara yang tersasar serta melangkaui faktor pendapatan. Justeru, kemiskinan perlu dilihat dari segi multidimensi supaya fenomena kemiskinan dapat difahami dari sudut yang lebih menyeluruh (Alkire et al., 2014). Alkire dan Foster (2011) yang telah memperkenalkan pengukuran kemiskinan IKM pada tahun 2010 telah berjaya memantapkan usaha Mahbub ul haq dan Amartya Sen yang menjadi pelopor dalam penentuan konsep kemiskinan multidimensi.

Pada hakikatnya, IKM boleh melengkapkan lagi pengukuran kemiskinan unidimensi (Parthiban, 2013). Menurut beliau lagi, pengukuran kemiskinan multidimensi mempunyai elemen yang fokus utamanya adalah dalam dimensi manusia. Kelebihannya adalah dapat melihat keupayaan dan mobilisasi kekuatan manusia, menilai semula keberkesanan dalam pembasmian kemiskinan dan memantapkan lagi dalam menyasarkan kemiskinan, miskin terpencil dan dapat membantu dalam membentuk program pembasmian kemiskinan yang efektif (Alkire & Santos, 2010). Pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi akan membantu pembuat dasar supaya pelaksanaan program pembasmian kemiskinan adalah berpusatkan kemanusiaan. Menurut Parthiban (2013) lagi, definisi operasional dalam kemiskinan multidimensi mempunyai dua bentuk iaitu dimensi material dan bukan material. Dimensi material ialah seseorang yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mempunyai kekurangan dari segi pendapatan ataupun kadar kepenggunaan harian dan bukan pendapatan seperti pendidikan, kemudahan awam, pekerjaan dan kemudahan kesihatan manakala bagi dimensi bukan material adalah memfokuskan pada aspek ketersisihan sahsiah kemanusiaan seperti faktor emosi, psikologi dan kerohanian (spiritual). Gambaran yang lebih jelas seperti tertera di Rajah 3, berkenaan kemiskinan multidimensi.

Rajah 3: Kemiskinan Multidimensi



Sumber: Parthiban (2013)

Sejak akhir-akhir ini, sealiran dengan perubahan yang berlaku di serata dunia, Malaysia turut menekankan pentingnya pengukuran kemiskinan multidimensi. Malah, Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) sebenarnya sudah pun memperkenalkan Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) di mana telah dibentuk dan dinyatakan dalam kajian separuh penggal sebagai pelengkap kepada PGK (Unit Perancang Ekonomi, 2018; 2020). Selaras dengan ini, Malaysia juga membangunkan pengukuran IKM pada peringkat nasional yang bersesuaian dengan kesejahteraan sosioekonomi dan rangka kerja pembangunan negara.

Penggunaan IKM akan memastikan pertimbangan sesuatu dasar akan beralih melangkaui faktor pendapatan dalam menilai isu kemiskinan termasuk isi rumah mudah terjejas. IKM akan melengkapi PGK bagi mengukur dan memantau kemiskinan dari perspektif pelbagai dimensi.

Tambahan pula, IKM mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi dan intensiti ketersisihan. Pendekatan ini terdiri daripada empat dimensi dengan 11 indikator. Isi rumah yang mengalami ketersiihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi (rujuk Jadual 1). Di samping itu nilai IKM adalah di antara 0 dan 1 di mana nilai IKM yang semakin meningkat (> 0 iaitu >1/3) menggambarkan tahap ketersisihan pelbagai dimensi yang semakin tinggi.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Dimensi, indikator, batas ketersisihan dan wajaran IKM National (Malaysia)

Dimensi Kemiskinan	Indikator	Kekurangan yang dihadapi oleh isi rumah miskin	Wajaran
Kesihatan	Akses kepada kemudahan kesihatan	Jarak kepada kemudahan kesihatan melebihi 5 km dan tiada kemudahan klinik kesihatan bergerak disediakan	1/8
	Akses kepada bekalan air bersih	Selain daripada bekalan air terawat di dalam rumah dan paip air awam/ paip berdiri	1/8
Pendidikan	Bilangan tahun persekolahan	Semua ahli isi rumah berumur 17-60 tahun mempunyai kurang daripada 11 tahun persekolahan	1/8
	Kehadiran ke sekolah	Kanak-kanak antara 6-16 tahun yang tidak bersekolah	1/8
Taraf Hidup	Keadaan tempat tinggal	Usang atau mulai buruk	1/24
	Bilangan bilik tidur	Lebih 2 ahli isi rumah/bilik	1/24
	Kemudahan tandas	Selain daripada tandas pam	1/24
	Kemudahan kutipan sampah	Tiada kemudahan	1/24
	Pengangkutan	Semua ahli isi rumah sama ada tidak menggunakan pengangkutan persendirian atau pengangkutan awam	1/24
	Akses kepada alat komunikasi asas	Tidak memiliki telefon talian tetap atau telefon bimbit	1/24
Pendapatan	Pendapatan Bulanan Purata Isi rumah	Pendapatan Bulanan Purata Isi rumah	1/4

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2020)

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa menurut Alkire et al. (2014), IKM merupakan pengukuran kemiskinan alternatif yang dapat mengukur kemiskinan dengan lebih tepat berbanding PGK kerana mengambil kira aspek bukan kewangan. Selain itu, kaedah IKM merupakan pengukuran kemiskinan komprehensif yang dapat membantu pembuat dasar merangka program pembasmian kemiskinan berdasarkan pelbagai dimensi dan indikator kemiskinan yang dialami oleh individu tanpa terbatas kepada dimensi pendapatan semata-mata. IKM juga dapat membantu dalam mengenalpasti hubungan dari pelbagai aspek yang menyumbang kepada situasi ketersisihan *(deprivation)* terhadap golongan miskin dan sekaligus dapat memantapkan lagi dalam mengagihkan sumber secara bersasar demi memastikan hanya golongan benar-benar memerlukan dapat menikmatinya. Malah penyelarasan setiap agensi dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan dapat dilakukan agar setiap dimensi yang menghadapi kekurangan oleh golongan miskin dapat dibasmi. Indikator dan dimensi IKM juga adalah fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut konteks tempatan sebagai contoh indikator di miskin bandar dan luar bandar adalah berbeza. IKM juga adalah sebagai satu alat untuk memantau tahap kemiskinan di seluruh negara dan ia juga bernaung di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang menekankan tiada siapa yang akan tercicir dalam proses pembangunan (Alkire & Jahan, 2018). Selain itu,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penilaian analisis kemiskinan multidimensi membantu penyelidik untuk mengetahui jumlah ketersisihan yang dihadapi oleh seseorang dan pada masa yang sama jumlah ketersisihan yang terkait antara satu sama lain (Alkire et al., 2015).

Sehubungan dengan itu, kajian Ha Le et al. (2015) yang menggunakan IKM terhadap isi rumah di Vietnam mendapati majoriti golongan dalam kategori bukan miskin pendapatan adalah miskin multidimensi dibandingkan isi rumah yang miskin bukan multidimensi tetapi miskin pendapatan. Begitu juga dengan, kajian Seyed Hossein et al. (2019) yang menggunakan IKM terhadap kanak-kanak di Iran mendapati dimensi kemiskinan yang paling tinggi adalah taraf hidup berbanding dua dimensi yang lain iaitu kesihatan dan pendidikan. Kajian seterusnya oleh Joshua et al. (2017) di kawasan petempatan luar bandar Nigeria, mendapati dalam IKM dimensi taraf hidup menunjukkan kemiskinan isi rumah yang paling tinggi iaitu sebanyak 59.9% diikuti dengan dimensi pendidikan (14.3%), kesihatan (13.4%) dan aset sebanyak (12.4%). Oleh itu petempatan luar bandar di Nigeria memerlukan dasar pembasmian kemiskinan yang mengutamakan taraf hidup di luar bandar (Joshua et al., 2017). Pendek kata, perspektif kemiskinan yang melihat kepada aspek selain pendapatan akan mempengaruhi program pembasmian kemiskinan untuk membasmi kemiskinan secara tepat dan bersasar.

Dalam nada yang sama, kajian Kiran et al. (2011) yang menggunakan model IKM terhadap individu miskin di Afghanistan mendapati setiap daripada mereka mempunyai satu ketersisihan manakala individu yang mengalami miskin kritikal biasanya tinggal di petempatan luar bandar. Oleh itu dasar dalam kajian kes ini haruslah memenuhi setiap indikator kerana setiap di antara mereka mengalami satu ketersisihan seperti akses air, sistem sanitasi, pekerjaan, peluang pendidikan, sumber tenaga, kesihatan, dan akses kesihatan mental. Kelebihan menggunakan IKM ini mampu untuk membasmi kemiskinan secara berkesan, menyeluruhdan bersasar sehingga sampai ke peringkat akar umbi.

Menyedari hakikat kepentingan menggunakan IKM berdasarkan penerangan di atas, satu kajian rintis telah dijalankan dengan menggunakan model IKM ke atas 25 pelajar B40 Universiti Sains Malaysia (USM)di kampus induk Pulau Pinang untuk memahami kemiskinan pelajar B40 berdasarkan tiga dimensi iaitu pendidikan, kesihatan dan taraf hidup dengan mengambilkira kedua-dua lokasi rumah dan kampus pelajar berkenaan.

Pelajar B40 USM dijadikan fokus dalam kajian ini kerana kurangnya penyelidikan lepas berkenaan ketersisihan pelbagai dimensi yang dihadapi oleh pelajar miskin di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seterusnya, walaupun pelajar B40 USM diberi bantuan oleh pihak universiti dan kerajaan, namun masih terdapat kelemahan dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar yang lebih memerlukan atau pelajar bersasar, kerana kemiskinan pelajar B40 tidaklah terhad kepada pendapatan semata-mata. Bertitik tolak daripada hal ini, kekurangan (*deprivation*) multidimensi yang dihadapi oleh pelajar B40 kini membolehkan pembasmian kemiskinan dapat dimantapkan berdasarkan pedekatan IKM dibandingkan dengan situasi sebelumnya.

Merujuk Jadual 2, dalam kajian ini, setiap pelajar B40 USM akan diukur berdasarkan keadah IKM menggunakan indikator-indikator yang ada di dalam IKM tersebut. Setiap indikator terdapat nisbah yang berbeza serta berfungsi untuk menyingkirkan siapa yang miskin multidimensi dan bukan miskin multidimensi atau diistilahkan sebagai ketersisihan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2: Komposisi IKM – Dimensi dan Indikator

Dimensi	Indikator	Penanda Aras Garis Ketersisihan (*Deprivation Cut-offs*)	Pemberat/ Wajaran
Kesihatan 1/3	i.Nutrisi	Indeks Jisim Badan(BMI) kurang dari 18 kg/m2	1/24
	ii.Kekerapan pengambilan makanan	Kekerapan pengambilan kurang dari 3 kali sehari (Rumah)	1/24
		Kekerapan pengambilan kurang 3 kali sehari (Universiti)	1/24
	iii. Pengambilan Makanan Tambahan (Supplements)	Jika tidak mengambil Makanan Tambahan	1/24
	iv.Kesihatan badan	Sekiranya pergi ke hospital melebihi 3 kali dalam masa sebulan (Rumah)	1/24
		Sekiranya pergi ke hospital melebihi 3 kali dalam masa sebulan (Universiti)	1/24
	v.Masalah penyakit mental	Menghadapi masalah penyakit mental	1/24
	vi.Penyakit kronik	Menghadapi masalah penyakit kronik	1/24
Pendidikan 1/3	i.Kemudahan persekolahan-Laptop	Jika tiada Laptop peribadi	1/15
	ii.Keupayaan membeli Buku	Jika tidak mampu untuk membeli buku	1/15
	iii.Kehadiran ke tuisyen atau kelas tambahan (Rumah)	Sekiranya kehadiran ke tuisyen atau kelas tambahan kurang dari 60%	1/15
	iv.Kehadiran ke kolej/matrikulasi	Sekiranya kehadiran ke kolej atau matrikulasi kurang dari 60%	1/15
	v.Kehadiran ke kuliah/tutorial dan aktiviti kokurikulum (Universiti)	Sekiranya kehadiran ke kuliah/tutorial dan aktiviti kokurikulum kurang dari 60%	1/15
Taraf hidup 1/3	i.Kemudahan tandas (Rumah)	Jika individu tersebut tinggal di rumah tidak mempunyai pam tandas	1/15
	ii. Berapa ahli keluarga berkongsi dalam satu bilik (Rumah)	Terdapat lebih dari 3 orang yang berkongsi satu bilik di dalam rumah	1/15
	iii.Status kelengkapan bekalan air paip yang bersih di rumah (Rumah)	Jika individu tinggal di rumah tidak mempunyai kelengkapan paip air	1/15
	iv.Jenis perumahan (Rumah)	Individu yang tinggal di perumahan yang uzur, rumah jenis tradisional, khemah, dan lain-lain	1/15
	v.Aset (Rumah)	Individu mendiami rumah yang tidak mempunyai,melebihi dua (2) aset seperti kereta, kipas,	1/15

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	penghawa dingin, televisyen, dan telefon pintar

Individu adalah dikategorikan miskin multidimensi jika mengalami ketersisihan (*deprivation*) setiap indikator pada satu dimensi ataupun pada dimensi berbeza. Terdapat tiga dimensi utama iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup serta sembilan indikator dalam IKM. Komposisi IKM ini diadaptasi dari komposisi model IKM Alkire dan Santos (2011). Setiap individu ataupun isi rumah akan diukur dengan mengenal pasti berapa penanda aras garis ketersisihan (*deprivation cut-offs*) yang dihadapi. Sebagai contoh, sekiranya individu mengalami ketersisihan maka individu tersebut perlu berada di bawah penanda aras garis ketersisihan untuk dikategorikan mengalami ketersisihan. Komposisi IKM tersebut adalah seperti Jadual 2. Pada Jadual 2, IKM mempunyai tiga dimensi yang mempunyai pemberat yang sama iaitu 1/3. Pada lajur kedua menunjukkan indikator yang mempunyai pemberat seperti ditunjukkan pada lajur yang keempat. Manakala lajur ketiga adalah penanda aras garis ketersisihan (*deprivation cut-offs*).

Pada dimensi pertama (1) iaitu kesihatan mempunyai indikator pertama (1) nutrisi dengan melihat penanda aras ketersisihan Indeks Jisim Badan (*BMI*) pelajar yang kurang dari 18 kg/m2. Pelajar yang mengalami BMI kurang dari 18kg/m2 cenderung untuk menghadapi masalah malnutrisi ataupun ketersisihan zat sekaligus mengganggu sistem kognitif pelajar (Chertoff, 2014). Indikator yang kedua (2) adalah pengambilan kekerapan makanan di rumah dan universiti dalam masa satu hari. Pelajar B40 akan diukur dengan melihat sekiranya pengambilan makanan tersebut kurang dari 3 kali sehari. Jika pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari, maka pelajar tersebut cenderung mengalami malnutrisi atau ketersisihan nutrisi. Seterusnya adalah indikator yang ke tiga (3) pengambilan makanan tambahan (food *supplements*: vitamin, mineral dan herba tradisional) dengan mengenalpasti pelajar yang tidak mengambil makanan tambahan. Jika pelajar tidak mengambil makanan tambahan (vitamin, mineral tambahan dan herba tradisional) risiko untuk menghidap penyakit akan meningkat. Indikator ke empat (4) dalam dimensi kesihatan adalah kekerapan pelajar ke pusat kesihatan seperti hospital lebih dari 3 kali dalam sebulan baik semasa berada di rumah dan universiti. Jika pelajar kerap ke hospital lebih dari 3 hari maka mereka akan mengalami ketersisihan. Dua indikator yang akhir dalam dimensi kesihatan iaitu yang ke lima (5) dan ke enam (6) adalah penyakit kronik dan masalah mental pelajar.

Pada dimensi kedua (2) pendidikan pula terdiri daripada pertama (1) indikator kemudahan persekolahan seperti Laptop (komputer riba) yang begitu penting terutamanya untuk pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di mana proses pembelajaran kini menjadi lebih berkesan jika ianya boleh diakses melalui atas talian (*Online*). Manakala indikator kedua (2) adalah sekiranya pelajar tidak mampu memiliki buku maka beliau dianggap tersisih. Indikator yang ketiga (3) dan keempat (4) seterusnya bagi dimensi pendidikan adalah kehadiran ke sesi tuisyen atau kelas tambahan dan kehadiran ke kolej atau matrikulasi dari perspektif rumah. Pelajar dinilaikan tersisih sekiranya kehadiran pelajar kurang dari 60% masing-masing manakala pada perspektif yang ke lima (5) di unversiti pula iaitu jika kehadiran ke kuliah atau tutorial dan aktiviti kokurikulum kurang dari 60% maka pelajar dinilai sebagai tersisih.

Pada dimensi yang ketiga (3) iaitu taraf hidup (perspektif di rumah sahaja) yang mengambil kira indikator pertama (1) kemudahan tandas iaitu individu yang tinggal di rumah yang tiada pam tandas adalah tersisih. Hal ini kerana ketiadaan sistem tandas atau sanitasi yang baik akan menyumbang kepada penyakit seperti taun, pertumbuhan badan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang terbantut dan sebagainya menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (*WHO*) (World Health Organization, 2019). Indikator yang kedua (2) adalah bilik yang mempunyai penghuni lebih dari 3 orang adalah dinilaikan tersisih. Hal ini kerana jumlah penghuni yang melebihi kapasiti bilik akan memberi kesan negatif secara mental dan fizikal individu (World Health Organization, 2018). Indikator yang ketiga (3) adalah sekiranya tiada kelengkapan paip air akan menyebabkan kesukaran individu tersebut untuk mendapatkan bekalan air yang bersih. Indikator yang keempat (4) iaitu untuk jenis perumahan pula ialah individu yang tinggal di perumahan yang uzur, rumah jenis tradisional, khemah dan lain-lain yang sangat buruk dianggap sebagai tersisih. Indikator yang kelima (5) pula adalah individu mendiami rumah yang tidak mempunyai lebih dari dua (2) aset seperti kereta, kipas, penghawa dingin, televisyen dan telefon pintar dianggap sebagai tersisih. Aset merupakan satu cagaran kepada individu untuk menyelamatkan diri daripada jatuh miskin sekiranya berlaku masalah seperti kegawatan ekonomi, kemarau dan sebagainya (Azpitarte, 2011).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengutip data primer daripada pelajar B40 Universiti Sains Malaysia di Kampus Induk, Pulau Pinang melalui sebuah kajian rintis (*pilot study*). Kajian rintis ini memfokuskan kumpulan kecil dalam kalangan pelajar B40 USM iaitu seramai 25 orang responden yang dipilih bukan secara rawak dengan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan *(purposive sampling).* Walaupun sampel kajian rintis seramai 25 orang responden ini tidak mewakili populasi dan tidak mencapai jumlah minimum mengikut *Central Limit Theorem*[6] sebanyak 30 responden, namun ianya bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan asas untuk kajian yang menyeluruh yang akan dijalankan pada masa depan (dijangka saiz sampel 400 pelajar B40 USM). Menurut Fraenkel dan Wallen (1996), kajian rintis juga bertindak untuk menilai kesesuaian butiran dan format jawapan. Selain daripada itu, kajian rintis digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan butiran dalam borang soal selidik tersebut.

Rekabentuk borang soal selidik yang ditujukan kepada pelajar B40 USM (rujuk lampiran A) dibahagikan kepada tiga (3) bahagian: Bahagian A: Profil Demografi (A1: Pelajar dan A2: Ibu/Bapa/Penjaga); Bahagian B: Maklumat Indikator 3 Dimensi Perspektif di Rumah dan Bahagian C: Maklumat Indikator 3 Dimensi Perspektif di Universiti. Dimensi pendidikan dan kesihatan akan melihat pada perspektif di rumah dan universiti manakala dimensi taraf hidup akan melihat dari perspektif di rumah sahaja. Tujuan kedua-dua perspektif ini adalah untuk melihat impak hubungan dimensi dan indikator tersebut terhadap ketersisihan pelajar B40 USM. Terdapat 22 soalan tertutup dan 2 soalan terbuka dalam borang soal selidik. Menurut kaedah Alkire dan Foster (2007, 2009), setiap dimensi mempunyai indikator yang diberi pemberat yang sama. Selepas pemilihan indikator, garis ketersisihan (*deprivation cut-offs*) IKM akan mengenalpasti kewajaran isi rumah untuk dikategorikan sebagai miskin berdasarkan ketersisihan (*Deprive*) dalam sesuatu dimensi dan indilkator tertentu. Kaedah seterusnya adalah mengagregatkan ketersisihan setiap isi rumah dan menetapkan garis kemiskinan agregat (*poverty cut-offs*). Garis kemiskinan agregat ialah jumlah minimum indikator isi rumah untuk dikategorikan dalam kategori miskin multidimensi iaitu sebanyak 30% (0.300) daripada pemberat dimensi (wajaran).

Selain itu ujian Cronbach Alpha telah dijalankan terhadap skala Likert borang soal selidik supaya dapat mengenalpasti kebolehpercayaan data melalui borang soal selidik tersebut. Jadual 3, menunjukkan skor Cronbach Alpha. Jadual 3 tersebut menunjukkan ujian

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kebolehpercayaan (*reliability*) mempunyai nilai korelasi yang tinggi antara item iaitu sebanyak 0.714. Sekiranya nilai ujian kebolehpercayan yang tinggi diperoleh maka item yang ada di dalam skala Likert tersebut tidak perlu diubah. Manakala sebaliknya jika nilai ujian kebolehpercayaan adalah rendah maka item di dalam soalan skala Likert perlu diubah.

Jadual 3: Statistik kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*

Statistik Kebolehpercayaan		
Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Berdasarkan Item Standard	**Item N**
.714	**.724**	**5**

3.1. Pengukuran Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM)

Pengukuran kemiskinan dalam kajian ini menggunakan kaedah Alkire dan Foster (2011) sebagaimana ditunjukkan dalam formula di bawah:

$$\boldsymbol{Formula\ IKM\ (M_0) = H\ X\ A}$$

Petunjuk formula di atas adalah seperti berikut:
H: Insiden Kemiskinan Multidimensi/Jumlah Orang yang Miskin/*Headcount*
A: Purata Intensiti (keperitan/keparahan) Ketersisihan Individu Multidimensi/*Intensity of Poverty*

4. Hasil dan Perbincangan Kajian

Analisis multidimensi kajian ini terhadap pelajar miskin B40 USM merangkumi perspektif di rumah dan universiti; manakala tiga (3) dimensi pula adalah merangkumi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Dimensi pendidikan dan kesihatan merangkumi (dua) 2 perspektif iaitu di rumah dan di universiti manakala taraf hidup hanya satu (1) perspektif sahaja iaitu di rumah.

Pada Rajah 4, daripada 25 pelajar B40 USM, hanya 12 indikator (carta bar biru) sahaja yang berada di bawah aras ketersisihan *(under deprivation cut-off)*. Kajian ini mendapati indikator pertama (1) seramai 21 orang pelajar mengalami ketersisihan dari segi tempat tinggal. Ketersisihan indikator yang kedua (2) adalah seramai 2 orang pelajar mengalami masalah akses air iaitu tidak memiliki air paip yang bersih di rumah. Indikator ketersisihan yang ketiga (3) dan keempat (4) adalah 1 orang pelajar memiliki rumah yang mempunyai bilik yang dihuni lebih dari 3, dan rumah yang tidak mempunyai tandas yang sesuai masing-masing. Manakala pada indikator yang kelima, seramai 3 orang pelajar mengalami masalah dalam menghadiri kelas tambahan ataupun tuisyen dari rumah. Seterusnya, indikator yang keenam (6) dan ketujuh (7) seramai 16 orang tidak mampu untuk membeli buku dan 3 orang pelajar tidak mampu untuk memiliki laptop ataupun komputer meja, masing-masing. Indikator yang kelapan (8) adalah seramai 2 orang pelajar yang menghidap penyakit mental. Indikator yang kesembilan (9) pula seramai 21 orang pelajar tidak mengambil makanan tambahan manakala indikator kesepuluh (10) dan kesebelas (11) bagi kekerapan pengambilan makanan kurang dari 3 kali sehari di universiti adalah seramai 21 orang pelajar dan 20 orang pelajar pula di rumah, masing-masing. Indikator yang kedua belas (12) berkaitan dengan kekerapan berjumpa doktor yang melebihi tiga kali dalam masa sebulan di universiti adalah seramai 1 orang pelajar

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sahaja. Indikator ketiga belas (13) adalah Indeks Jisim Badan (BMI)-kekurangan nutrisi mempunyai 3 orang pelajar yang mengalami berat kurang dari 18 kg/m2.

Walau bagaimanapun, Rajah 4 hanya menunjukkan data yang dibuat penyelarasan iaitu; Nilai Ketersisihan binari 1 yang telah didarab dengan wajaran indikator (rujuk Jadual 4). Seterusnya perlu ditentukan juga Penanda Aras Kedua iaitu Penanda Aras Garis Kemiskinan (*Poverty Cut-offs*) supaya dapat ditentukan kemiskinan multidimensi (rujuk Jadual 4). Dalam kajian ini ditetapkan Penanda Aras Garis Kemiskinan sebagai 30% (0.300). Perlu ditegaskan kajian ini menggunakan kaedah *Adjusted Headcount Ratio* [Nisbah Jumlah Orang Miskin yang Dilaraskan] (Mo); Mo=H x A].

Rajah 4: Ketersisihan untuk setiap indikator yang berdimensi pendidikan, kesihatan dan taraf hidup



Seterusnya penentuan IKM adalah berdasarkan langkah-langkah berikut:

Langkah 1 : Individu (pelajar B40) dikategorikan sebagai mengalami ketersisihan atau tidak dalam indikator yang telah dinyatakan mengikut nilai/unit binari (0 atau 1). Individu yang tidak mengalami ketersisihan dinilai sebagai 0 manakala individu yang mengalami ketersisihan dinilai 1.

Langkah 2: Individu yang telah ditetapkan mengalami ketersisihan 1 akan didarab dengan wajaran yang telah ditetapkan dalam lajur yang ke 4 (di Jadual 2) menjadi c1(di Jadual 4) .

Langkah 3 : Nilai c1 tersebut perlu dibuat perbandingan dengan penanda aras garis kemiskinan (k) [poverty cut-offs]; Nilai k dalam kajian ini = 30% atau 0.300. Jika c_1 (nilai ketersisihan didarab dengan wajaran) ≥ 30% atau 0.300, individu yang tersisih tersebut adalah miskin multidimensi. Jika sebaliknya iaitu c1≤ 0.300 individu tersebut tidak

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

miskin. Justeru c1(k) adalah skor ketersisihan (deprivation) individu yang miskin multidimensi (tetapi kemiskinan multidimensi secara agregat masih belum diperolehi).

Langkah 4: setelah kita memperolehi skor ketersisihan setiap individu (c1) ianya akan diagregatkan [c(k)]. Justeru Indeks Kemiskinan Multidimensi (IKM) untuk kesemua (aggregate) pula ditentukan berdasarkan formula di bawah:

MPI=H x A

Untuk memperolehi IKM; nilai H dan A perlu dicari. Ini dapat digambarkan berdasarkan Jadual 4 dan Jadual 5.

Pengiraan :

a) Insiden kemiskinan multidimensi [H] (bilangan isi rumah yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai dimensi / Jumlah isi rumah) = 9/25=0.36 @ 0.36 *100=36

b) Purata intensiti ketersisihan isi rumah pelbagai dimensi (A)
=Jumlah intensiti ketersisihan isi rumah miskin pelbagai dimensi
Jumlah isi rumah miskin pelbagai dimensi

=0.325+0.325+0.325+0.325+0.366+0.325+0.433+0.300+0.325
9
= 3.049/9=0.339

c) IKM= $H * A$ = 0.36 * 0.339= 0.12204=0.1220 @ 0.1220 *100=12.2%

Jalan kerja di atas menunjukkan kaedah untuk mengira IKM. Maklumat pertama yang ingin diperolehi adalah insiden individu yang mengalami ketersisihan multidimensi. Pengiraan untuk insiden kemiskinan multidimensi (*H*) adalah dengan membahagikan jumlah individu yang miskin multidimensi dan jumlah populasi. Kedua, adalah purata intensiti (ataupun keperitan) ketersisihan purata pemberat setiap indikator yang dihadapi oleh individu miskin multidimensi. Pengiraan untuk purata intensiti ketersisihan individu multidimensi (*A*) adalah dengan membahagikan skor individu yang telah ditapis (*censored*) dan jumlah individu yang miskin multidimensi. Maka IKM adalah hasil darab insiden kemiskinan multidimensi (*H*) dan purata intensiti ketersisihan individu multidimensi (*A*). Pengiraan dan penerangan di atas dirumuskan di Jadual 5 .

Jadual 5 menjelaskan mengikut pengiraan H, 36% daripada pelajar B40 adalah miskin IKM. Pada masa yang sama secara purata pelajar yang miskin yang tersisih adalah 34% berdasarkan pemberat/wajaran indikator. Oleh itu, 36% itu seharusnya diseleraskan dengan kemiskinan purata intensiti iaitu 34% supaya IKM tersebut lebih realistik menjadi 12.2%; jika tidak, IKM tersebut menjadi terlebih nilai *(overstated)* menjadi 36% (berdasarkan H semata-mata).

Sebagai kesimpulannya, pengiraan dalam Jadual 5 menunjukkan kira-kira 12.2% pelajar B40 USM (di Universiti Sains Malaysia) adalah miskin pelbagai dimensi (*Multidimensionally Poor*). Bertitik tolak daripada hal ini, 12.2% daripada 25 pelajar B40 USM adalah miskin pelbagai dimensi. Bahkan, kadar ini merujuk kepada status pelajar baik semasa berada di rumah dan univerisiti (USM).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 4: Data Untuk Mengira IKM(H * A): Skor Intensiti Ketersisihan(c1); Intensiti Ketersisihan ≥ Garisan Kemiskinan (c1≥0.300) dan Skor Intensisi Ketersisihan Ditapis [c1(k)]

	DIMENSI																			
	KESIHATAN								PENDIDIKAN					TARAF HIDUP						
P	i.N	ii.M-r	iii.M-u	iv.S	v.D-r	vi.D-u	vii.Pm	viii.Pk	i.Ltop	ii.Bu	iii. Tu	iv.K	v.U	i.Ta	ii.Bil	iii.Air	iv.Rum	v.Ast	$c1^{10}$	c1 ≥ 0.300 (k)	c(k)
1	0.0416																0.0666		0.108	Tidak	0
2		0.0416	0.0416	0.0416						0.0666				0.0666			0.0666		0.325	Ya	0.325
3		0.0416	0.0416	0.0416						0.0666				0.0666			0.0666		0.325	Ya	0.325
4						0.0416								0.0666			0.0666		0.175	Tidak	0
5		0.0416	0.0416	0.0416						0.0666									0.191	Tidak	0
6		0.0416	0.0416	0.0416													0.0666		0.191	Tidak	0
7	0.0416		0.0416	0.0416						0.0666						0.0666	0.0666		0.325	Ya	0.325
8		0.0416	0.0416	0.0416					0.0666	0.0666									0.258	Tidak	0
9		0.0416	0.0416	0.0416										0.0666			0.0666		0.258	Tidak	0
10				0.0416						0.0666									0.108	Tidak	0
11		0.0416	0.0416	0.0416					0.0666	0.0666							0.0666		0.325	Ya	0.325
12		0.0416	0.0416	0.0416			0.0416			0.0666					0.0666		0.0666		0.366	Ya	0.366
13		0.0416	0.0416	0.0416													0.0666		0.191	Tidak	0

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

14		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666	0.0666			0.0666	0.325	Ya	0.325
15				0.0416								0.0666	0.108	Tidak	0
16	0.0416	0.0416	0.0416	0.0416			0.0666		0.0666		0.0666	0.0666	0.433	Ya	0.433
17		0.0416	0.0416	0.0416		0.0416		0.0666				0.0666	0.300	Ya	0.300
18		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666	0.0666			0.0666	0.325	Ya	0.325
19		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666				0.0666	0.258	Tidak	0
20	0.0416	0.0416	0.0416	0.0416								0.0666	0.233	Tidak	0
21		0.0416	0.0416					0.0666				0.0666	0.216	Tidak	0
22		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666				0.0666	0.258	Tidak	0
23		0.0416	0.0416									0.0666	0.150	Tidak	0
24		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666					0.191	Tidak	0
25		0.0416	0.0416	0.0416				0.0666				0.0666	0.258	Tidak	0

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 12, e002616
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2616

RESEARCH ARTICLE

Jadual 5: Insiden Kemiskinan Multidimensi, Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi dan IKM Pelajar B40 USM

Perspektif di Rumah dan Universiti	**Insiden kemiskinan multidimensi (*H*)**	**Purata Intensiti Ketersisihan Individu Multidimensi (*A*)**	**Indeks Kemiskinan Multidimensi *(M0)* *H * A***
Rumah dan Universiti	(9/25) 0.36	0.325+0.325+0.325+0.325+0.366+0.325+0.433+0.300+0.325 / 9 = 3.049/9 = 0.339	0.36 * 0.339=0.122 0.122 * 100= 12.2%

Tambahan pula, dengan mengenal pasti pelajar yang tersisih (berdasarkan garis ketersisihan/*deprivation cut-off*) dan yang miskin (berdasarkan aras kemiskinan/poverty cut-offs) multidimensi, penetapan golongan bersasar adalah lebih berkesan dan menyeluruh (pelbagai dimensi). Lantas, pendekatan tersebut dapat memberi paduan untuk mengenalpasi antara 18 indikator-indikator yang ditetapkan tersebut bukan sahaja mempunyai nilai ketersishan yang rendah atau tinggi tetapi juga nilai intensiti (keperitan/keparahan) ketersisihan yang rendah atau tinggi dibandingkan dengan pendekatan PGK yang hanya mensasarkan miskin pendapatan-unidimensi.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, perlu diperingatkan kajian ini adalah berdasarkan data kajian rintis *(pilot study)* yang mempunyai sampel sebanyak 25 orang responden sahaja. Walaupun sampel tersebut tidak sama sekali mewakili populasi serta tidak mencapai jumlah minimum mengikut *Central Limit Theorem* sebanyak 30 responden, namun kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan asas untuk kajian yang berskala besar kelak. Hasil kajian IKM ini memaparkan ketersisihan yang bersifat multidimensional yang dialami oleh pelajar miskin B40 USM dan penilaian kemiskinan yang dihadapi adalah lebih komprehensif dibandingkan dengan pengukuran berpaksikan kaedah konvensional yang hanya berdasarkan pendapatan sahaja (*unidimensional*), sepertimana yang ditetapkan oleh pihak USM pada masa kini. Tambahan pula, IKM mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi dan intensiti ketersisihan

Justeru, sepertimana yang dinyatakan Alkire dan Santos (2015), pengukuran IKM ini adalah pendekatan alternatif yang digunakan untuk memaparkan ketersisihan multidimensi dalam dimensi dan indikator yang berbeza. Dapatan kajian juga menunjukkan ketersisihan yang dihadapi dalam 13 indikator oleh setiap pelajar B40 USM miskin merupakan satu isu yang perlu diutamakan oleh setiap pihak pembuat dasar dan pemegang taruh di USM dalam membasmi kemiskinan agar ia lebih efektif dan tepat. Hal ini kerana kemiskinan merupakan isu multidimensi dan memerlukan langkah multidimensi dalam mengurangkan kemiskinan agar dapat mencapai kesejahteraan hidup yang lebih menyeluruh.

Pengukuran IKM memberi harapan agar dapat membuka mata semua pihak supaya keperluan pelajar B40 USM dapat dimantapkan bukan sahaja dari aspek pendapatan tetapi aspek lain seperti kesihatan, keupayaan, harga diri, keyakinan, pendidikan, taraf

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

hidup dan kesihatan. Selain itu IKM juga adalah langkah holistik dalam mengenalpasti kemiskinan pelajar B40 USM yang mengalami ketersisihan dari pelbagai aspek malah keperitan kemiskinan juga dapat dikenalpasti. Walau bagaimanapun, batasan utama kajian ini ialah data empirikalnya berdasarkan kajian rintis (*pilot study*) yang berskala kecil sahaja untuk membuat generalisasi terhadap semua pelajar B40 di USM. Akhirnya, penggunaan IKM menjadi pelengkap kepada pengukuran kemiskinan berasaskan pendapatan dan seterusnya berpotensi membantu kerajaan dalam mengenalpasti aspek ketersisihan yang perlu diberi perhatian, selain daripada aspek pendapatan, bagi memastikan program pembangunan yang dilaksanakan adalah lebih menyeluruh dalam memenuhi keperluan hidup golongan miskin di negara ini.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menerima bantuan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia atas pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bernombor 203.PSOSIAL6711691.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Alkire, S. & Jahan, S. (2018). *The new global MPI 2018: Aligning with the sustainable development goals.* HDRO occasional paper, United Nations Development Programme (UNDP).

Alkire, S., Foster, J. E., Seth, S., Santos, M. E., Roche, J. M., & Ballon, P. (2015). *Multidimensional poverty measurement and analysis*. Oxford: Oxford University Press. UK.

Alkire, S., & J.E. Foster. (2011). Counting and multidimensional poverty measurement. *Journal of Public Economics, 95*(7-8), 476-487.

Alkire, S., & M.E. Santos. (2010). *Acute multidimensional poverty: A new index for developing countries.* Background paper for the 2010 Human Development Report. UNDP (United Nations Development Programme).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Alkire, S. & Santos, M.E. (2014). Measuring acute poverty in the developing world: robustness and scope of the multidimensional poverty index. *World Development*, 59, 251–274.

Alkire, S. & Foster, J. (2007). *Counting and multidimensional poverty measures*. Oxford Poverty & Human Development Initiative OPHI Working Paper 7.

Alkire, S. & Foster, J. (2009). *Counting and multidimensional poverty measurement*. OPHI Working paper 32. Oxford University: Oxford Poverty & Human Development Initiative.

Azpitarte, F. (2011). Measurement and identification of asset-poor households: A cross-national comparison of Spain and The United Kingdom. *The Journal of Economic Inequality*, *9*(1), 87-110.

Chertoff, M. (2014). Protein malnutrition and brain development. *Brain Disord Ther* 4:168. M Doi:10.4172/2168-975X.100017.

Deepa, N., Raj, P., Kai, S., Anne, R., & Sarah, K.S. (1999). *Voices of the poor: Can anyone hear us?* New York, Oxford University Press.

Berita Harian Online. (2019). Garis kemiskinan perlu merangkumi aspek sosial. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/603961/garis-kemiskinan-perlu-merangkumi-aspek-sosial. (accessed 26/12/2023).

Fraenkel, J.R & Wallen, N.E. (1996). *How to design and evaluate research*. USA: Mc. Fraw-Hill Inc.

Fusco, A. (2003). On the definition and measurement of poverty: The contribution of multidimensional analysis.Paper presented at the *3rd Conference On The Capability Approach: From Sustainable Development To Sustainable Freedom*, 7-9 Septamber 2003, Pavia, Italy, 1-39.

Hazwan Faisal. (2021). Kajian semula PGK bukti ketelusan kerajaan. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita /nasional/2021/03/795523/kajian-semula-pgk-bukti-ketelusan-kerajaan. (accessed 21 September 2021)

Ha Le & Cuong Nguyen & Tung Phung. (2015). Multidimensional poverty: Evidence from Vietnam. *Economics Bulletin*, 35(4), 2820-2831.

Joshua A. O.,Ayantoye, K., & Fanifosi, G. E. (2017). An analysis of multidimensional poverty and its determinants in rural Nigeria. *Journal of Development and Agricultural Economics*, *9*(11), 303-311.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Penemuan utama 2019. Putrajaya Malaysia*: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Johan, J. (2020). Ungku Aziz Ikon Ilmuwan Bangsa. *Sinar Harian*. https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/115140/PROFIL-DI-SEBALIK BERITA/Ungku-Aziz-Ikon- Ilmuwan-Bangsa.(accessed 20 April 2021)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2020). *KPWKM tambah baik bantuan kebajikan menepati kadar pendapatan garis kemiskinan (PGK) baharu*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/FINAL%20KM%20YBM%2026%20JULAI%202020.pdf (jkm.gov.my). (accessed 26 Julai 2020).

Kiran, H., Jean-Yves, G., & Brigitte, H. (2011). *Understanding Mountain Poverty in The Hindu Kush-Himalayas: Regional report for Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, China, India, Myanmar, Nepal, and Pakistan*. International Centre for Integrated Mountain Development (ICIMOD).

Malaysia Kini. (2020). PN berundur dari komitmen semak kadar kemiskinan - bekas wakil PBB. *Malaysiakini*. https://www.malaysiakini.com news/533147. (accessed 20 Julai 2020).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Ministry of Economy. (2018). *Mid-term review of the eleventh Malaysia plan 2016-2020*. Kuala Lumpur Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. https://www.ekonomi.gov.my/en/economic-developments/development-plans/rmk/mid-term-review-eleventh-malaysia-plan-2016-2020 (accessed on 2 Jun 2018).

Moonansingh, C. A., Wallace, W. C., & Dialsingh, I. (2019). From Unidimensional to Multidimensional Measurement of Poverty in Trinidad and Tobago: The Latent Class Analysis of Poverty Measurement as an Alternative to the Financial Deprivation Model. *Poverty & Public Policy, 11*(1-2), 57-72.

Mohamed, S. A. R, Mohd, F. M. H, Ariffin, M. S., & Noraini, I. (2011). Poverty measurement in Malaysia: A survey of the literature. *Akademika, 81*(1).

Muhammad Yunus. (2007). *Creating a world without poverty:Social business and the future of capitalism*. New York, Public Affairs.

Nurul Izzah. (2021). Pelancaran kajian kemiskinan multidimensi permatang pauh 2021 mendasari kemiskinan menerusi lensa realiti. *Nurul Izzah*. https://www.nurulizzah.com/site/mpi_2021_bm/ (accessed 2 Jun 2023).

Othman, C. J. & Hamidi, I. (2019). Kerangka konseptual kajian kemahiran hidup isi rumah miskin dari perspektif teori kemahiran hidup. *Journal Of Techno Social, 11*(2), 017-027. https://Doi.Org/10.30880/Jts.2019.11.02.001 (accessed date 19 April 2021)

Parthiban, S. G. (2018). Poverty measurement revisited from a multidimensional perspective among Universiti Sains Malaysia's B40 poor students. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, *14*(4).

Parthiban, S.G. (2013). *Urban poverty among Indians in Penang: A study on nonmaterial causes*. (PhD dissertation), Universiti Sains Malaysia.

Rowntree, S. (1901). *Poverty: A study of town life.* London: Macmillan.

Rachel Nishimwe-Niyimbanira. (2019). Income poverty versus multidimensional poverty: empirical insight from Qwaqwa. *African Journal of Science, Technology, Innovation and Development*, *12*(5), 631-641. DOI: 10.1080/ 20421338.2019.1638585.

Rajah, R., Norma, M. & Chandran, (2015). Royal professor Ungku Abdul Aziz: A key pillar in Malaysia's development. *Institutions And Economies,* 7(3), 1-19.

Sen, A. (1987). The Standard of living: Lecture II, lives and capabilities. In G. Hawthorn (Ed.), *The Standard of living* (pp. 20-38). Cambridge: Cambridge University Press.

Sen, A. (2000). A decade of human development. *Journal of Human Development, 1*(1), 17-23.

Seyed Hossein Mohaqeqi Kamal, Gholamreza Ghaedamini Harouni, Mehdi Basakha & Sara Makki Alamdari .(2019). Multidimensional child poverty index in Iran: Distribution of deprivation across provinces, *Journal of Poverty, 23*(4), 353-364, DOI: 10.1080/10875549.2019.1596195

Satterthwaite, D. (2004). *The Under-Estimation of Urban Poverty in Low- And Middle-Income Nations*. International Institute for Environment and Development. http://Www.Jstor.Org/Stable/Resrep01810.10. (accessed 22 April 2021).

Stiglitz, J. E. (2016). Inequality and economic growth. *The Political Quarterly*. Wiley-Blackwell. USA 134-155

Stewart, F. (2010). *Horizontal inequalities as a result of conflict: A review of CRISE findings*. CRISE, UK.

The World Bank Group. (2022). *Poverty and shared prosperity 2022*. Correcting course. World Bank Publications. Washington DC, USA.

Townsend, P. (1979). *Poverty in United Kingdom: A survey of household resources and standards of living*. London: Penguin.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

UNESCO. (2016). *Learning to live together: Poverty*. UNESCO http://Www.Unesco.Org/New/ En/Socialand-HumanSciences/Themes/International migration/Glossary/Poverty/ pdf. (accessed 19 April 2021)

Unit Perancang Ekonomi. (2018). *Rancangan Malaysia ke-11. Unit Perancang Ekonomi*. http://www.epu.gov.my/ninth. (accessed 4 January 2022).

Unit Perancang Ekonomi. (2020). *Rancangan Malaysia ke-11*. Unit Perancang Ekonomi. http://www.epu.gov my/ninth (accessed 4 January 2022)

World Health Organization. (2019). *Water, sanitation, hygiene and health: A primer for health professionals (No. WHO/CED/PHE/WSH/19.149)*. WHO. Geneva

World Health Organization. (2018). *WHO Housing And Health Guidelines*. WHO. Geneva

Zanariah, A, M. (2019). Nilai semula kadar kemiskinan negara pelapor khas Pbb Sinar Harian. Nilai semula kadar kemiskinan negara. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional /2019/08/599191/nilai-semula-kadar kemiskinan-negara-pelapor-khas-pbb.(accessed 19 April 2023).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).